

MSC & CTSB NEWS

1. POTLUCK RAYA CTSIB @ LEVEL 8 05/05/2024 (AHAD)



Staf di CTSB Tingkat 8 telah bersama-sama menjalankan program potluck yang dihadiri oleh semua staff CTSB dengan membawa pelbagai jenis juadah. Juadah-juadah yang ada termasuklah makanan makanan raya, kuih muih, pemanis mulut, spaghetti, pelbagai aneka minuman dan banyak lagi. Ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahmi di dalam Bulan yang Mulia.

2. SESI PENERANGAN BERKAITAN LATIHAN SIMULASI EMAIL RANSOMWARE BERSAMA TEAM IT & NETWORK CTSB 08/05/2024 (RABU)



Sesi penerangan berkaitan simulasi emel ransomware yang telah dibuat oleh pasukan IT/DevOPS CTSB telah dijalankan kepada semua staf CTSB dan staff MSC. Simulasi tersebut telah dijalankan selama beberapa hari dan pembentangan data hasil daripada simulasi tersebut telah dibentangkan. Penerangan tersebut adalah bagi memberikan kesedaran tentang kesan dan bahayanya ransomware kepada staf dan syarikat. Asrol sebagai ketua unit IT telah memberikan prosedur sekiranya staf menerima emel yang mencurigakan.

Beberapa simulasi akan dijalankan bagi meningkatkan kesedaran kepada staff berkaitan ransomware agar mengurangkan risiko diserang oleh ransomware kepada syarikat.

3. SESI PERBINCANGAN BERKAITAN KEWANGAN DAN PEMBENTANGAN SAGA BERSAMA PIHAK MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)

09/05/2024 (KHAMIS)



Sesi perbincangan berkaitan kewangan dan mesyuarat SAGA telah dijalankan bersama pihak Majlis Bandaraya Kuantan (MBK). Perbincangan ini menjurus kepada pembentangan SAGA dan progres kepada teknikal dan penyata kewangan.

Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai 26 orang termasuk 3 orang dari CTSB JB iaitu Pn Arina, Azwan Ahmad dan Suhana Nasir dan team CTSB Kuantan.

4. ESG TALK – CYBERPORT ACADEMY

13/05/2024 (ISNIN)

Cyberport Academy telah menganjurkan ceramah ESG yang kedua pada 13hb Mei 2024 bertempat di Bilik Latihan Tingkat 8, Menara MSC Cyberport. Dengan dihadiri oleh 20 orang peserta, acara itu telah berjalan dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) atas sokongan mereka dalam menghimpunkan professional dan organisasi yang komited terhadap inisiatif ESG.

Cyberport Academy juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penceramah, Eric Ku selaku Pengarah Eksekutif iTrain Asia Singapore atas pembentangan beliau mengenai "Pendigitalan untuk Mencapai ESG dan Meningkatkan Prestasi Perniagaan".



5. SESI LATIHAN AWS BERSAMA PASUKAN AWS 16/05/2024 (KHAMIS)



Sesi latihan AWS telah dijalankan bersama 3 orang pegawai dari AWS iaitu Shi Zhan, Bharath dan Snehal bertempat di Bilik Latihan Level 8, Menara MSC Cyberport.


Sesi ini telah dihadiri oleh 17 staf CTSSB termasuk pasukan JB, Kuantan dan Kuala Lumpur. Peserta yang terlibat adalah Azwan Ahmad, Shah Erhan, Asrol, Yusuf, Hazizi, Rahimie, Azuan Mualif, Bukhori, Itmam, Azizi, Saufi, Firdaus Aduka, Kamilia, Suhana, Siti Khairatul dan Habibah.



Semoga sesi ini memberikan impak positif dan perkembangan pengetahuan berkaitan pengkomputeran awan (cloud computing) yang boleh memberikan kebaikan dan manfaat kepada individu dan syarikat.

27/05/2024 (ISNIN) 6. SESI LATIHAN PINDAH MILIK ONLINE MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (MPK)

Satu sesi latihan bagi sistem Pindah Milik Online telah dijalankan kepada pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Kluang dengan dihadiri oleh 10 orang pegawai MPK. Latihan ini telah dijalankan di Bilik Latihan Level 8, Menara MSC Cyberport. Inshirah adalah selaku tenaga pengajar bagi sesi kali ini kepada pegawai MPK.



7. SESI GO-LIVE SISTEM PENILAIAN SEMULA MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)

27/05/2024 (ISNIN) – 28/05/2024 (SELASA)

Pada 27hb Mei 2024 adalah hari rasmi go-live sistem Penilaian Semula Majlis Perbandaran Kulai. Seramai 3 orang staf CTSSB telah ditugaskan bagi membantu sesi tersebut iaitu Fadhzillah, Siti dan Amirah. Ia dijalankan selama 2 hari bertempat di Majlis Perbandaran Kulai.



8. KARNIVAL TECH.COM DI PUSAT SAINS & KREATIVITI TERENGGANU

28/05/2024 (SELASA) – 30/05/2024 (KHAMIS)

I. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA MENTERI BESAR TERENGGANU



Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar atas kesudian melawat booth kami di Karnival Tech.Com yang berlangsung di Pusat Sains Kreativiti Terengganu pada 28 Mei 2024. Kehadiran YAB sangat memberi inspirasi dan menjadi bukti sokongan terhadap kemajuan dan inovasi teknologi di negeri Terengganu. Semoga sokongan ini diteruskan demi kejayaan bersama

II. SMART SANTAI TALK DI BAWAH KAJIAN BLUEPRINT BANDAR PINTAR NEGERI TERENGGANU (SMART TERENGGANU 2040)

Cybersolution Technologies Sdn Bhd (CTSB) telah berpeluang menyumbang dalam pelaksanaan Smart Terengganu dengan aktif di dalam Smart Santai Talk bagi penyediaan Blueprint serta mempamerkan solusi local govtech dan robotik.

Pameran solusi CTSB yang berteraskan Data, AI, Robotik serta aplikasi dalam Pentadbiran Kerajaan Pintar telah diadakan pada 28hb Mei 2024, sempena Pelancaran Smart Terengganu Blueprint Di Pusat Sains & Kreativiti Terengganu.

Dr. Ikhwan dari Unit Bandar Pintar dan Robotik, Cybersolution Technologies telah menyampaikan 'Tech Talk' berjudul 'Penggunaan AI dalam Pentadbiran Kerajaan'.

Ribuan terima kasih dan syabas diucapkan kepada Plan Malaysia Terengganu yang telah berjaya menyumbangkan kepakarannya bagi penyediaan SMART TERENGGANU BLUEPRINT, membawa Negeri Terengganu ke arah 'Smart State'.

